



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KPM.600-5/6/2 Jld. ~~22~~ (83)
Tarikh : 7 Januari 2025

Encik Faqarudin Abdul Kadir
Setiausaha Kehormat
Persatuan Hoki Johor
Jalan Daya, Taman Daya
81100 Johor Bahru
Johor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN JOHORE HOCKEY CARNIVAL 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 20 Disember 2024 yang diterima pada 6 Januari 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti sukan di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Johore Hockey Carnival 2025** pada **24 hingga 25 Januari 2025** bertempat di **Stadium Hoki Johor**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;